



Ruj. Kami : PBU/HEP/80/03/6 (5)

Tarikh : 13 JULAI 2020

SEMUA PELAJAR SENIOR SESI JUN 2020

Saudara/saudari,

LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI JUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. **Tahniah** diucapkan kerana anda berjaya untuk meneruskan pengajian di Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang bagi sesi Jun 2020.

2. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki **mendaftar secara online** melalui laman web <http://spmp.pbu.edu.my> dan mengemaskini maklumat peribadi/semasa anda. Masa dan tarikh laporan diri adalah seperti butiran yang berikut:

Tarikh : **9 Ogos 2020 (Ahad)**
Masa : **8.30 pagi – 12.30 tengah hari**
Aktiviti : **Pendaftaran Kamsis (Pejabat kamsis)**
Pendaftaran Modul (ditentukan oleh Penasihat Akademik)

3. Untuk makluman, sesi perkuliahan akan bermula pada **10 Ogos 2020 (Isnin)** dan hanya pelajar semester 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 sahaja yang perlu berada di kampus untuk memulakan pengajian bagi sesi Jun 2020. Manakala bagi pelajar semester 2 dan 3, anda akan memulakan pengajian secara atas talian bermula **10 Ogos 2020 (Isnin)** sehingga mendapat arahan selanjutnya daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang.

4. Berikut pula adalah butiran bayaran pelajar senior yang perlu dijelaskan pada semester ini:

Bil.	Jenis Bayaran	Jumlah (RM)	Pelajar Terlibat
1.	Yuran Pengajian	RM200.00	Semua Pelajar
2.	Yuran Kamsis	RM360.00	Pelajar Semester 4 ke atas yang ditawarkan kamsis
3.	Bayaran Pelbagai	RM35.00	Pelajar Semester 3, 5, 7 & 9 (Semester SPMP)

5. Anda tidak dibenarkan melapor diri dan menghadiri kuliah serta lain-lain aktiviti pengajian sehinggalah **SEMUA** bayaran telah dijelaskan.

6. Sukacita diingatkan bahawa, anda perlu menjaga etika rupa diri dan pakaian semasa berurusan di Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang dan sila tepati masa semasa proses pendaftaran untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk www.heppbu.com.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL HANIF BIN MUSTAPHA)

Pengarah

Politeknik Balik Pulau

Pulau Pinang